

20 MAR 2002
BSKL-PEMUTUS/I
MEKANISME PEMUTUS LITAR BSKL BERMULA 25 MAC

KUALA LUMPUR, 20 Mac (Bernama) -- Penggunaan mekanisme pemutus litar di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) untuk mempertingkatkan kestabilan pasaran dan keyakinan pelabur akan bermula 25 Mac ini.

Di dalam satu kenyataan hari ini, timbalan presiden (strategi dan pembangunan) Abdul Hamid Sh Mohamed berkata bahawa dalam memenuhi tarikh akhir bagi peruntukan pemutus litar itu, BSKL telah mengambil kira kesediaan industri bagi pelaksanaan sistem berkenaan.

"BSKL telah melaksanakan beberapa ujian dan simulasi dengan peserta-peserta industri yang berkaitan sepanjang tempoh lima bulan yang antara lain meliputi fungsi-fungsi penting pemutus litar itu dalam bidang-bidang amaran-amaran tahap pencetus dan mekanisme berhenti," katanya.

"Dengan nasihat Suruhanjaya Sekuriti dan berikutan pengauditan semakan kesediaan industri, adalah didapati bahawa terdapat tahap kesediaan yang tinggi di kalangan peserta-peserta industri.

Mekanisme pemutus litar itu, yang diumumkan oleh Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa membentangkan Belanjawan 2002 pada 19 Oktober lalu, akan membantu menyederhanakan kemudahan pasaran berlebihan.

Dr Mahathir telah berkata bahawa pemutus litar itu akan memberikan para pelabur ruang bernafas sebelum menyambung dagangan dan juga mengekalkan keyakinan pelabur dan pasaran, terutamanya dalam suasana yang tidak menentu.

Kaedah itu akan dicetus apabila indeks komposit BSKL menurun sebanyak lebih daripada 10 peratus, 15 peratus dan 20 peratus berbanding dengan nilai penutupan pada hari sebelumnya.

Jika IK jatuh sebanyak lebih daripada 10 peratus tetapi kurang daripada 15 peratus pada penutup sebelumnya, dagangan dihentikan selama satu jam jika dicetus sebelum 11.15 pagi atau 3.45 petang.

Bagaimanapun, urusan dihentikan bagi seluruh sesi dagangan jika tercetus pada atau selepas 11.15 pagi atau 3.45 petang.

Sekiranya IK jatuh sebanyak agregat 15 peratus tetapi kurang daripada 20 peratus daripada penutup hari sebelumnya, dagangan dihentikan selama sejam jika dicetus sebelum 11.15 pagi atau 3.45 petang.

Urusniaga dihentikan bagi seluruh sesi dagangan jika dicetus pada atau selepas 11.15 pagi atau 3.45 petang.

Sekiranya IK jatuh sebanyak jumlah agregat 20 peratus atau lebih, urusan dihentikan bagi seluruh hari itu.

Menurut bursa itu, tahap cetusan dan hentian dagangan pemutus litar itu juga akan diguna pakai bagi derivatif-derivatif berkaitan ekuiti di Bursa Derivatif Malaysia (MDEX).

Daripada segi sejarah, IK BSKL telah jatuh sebanyak lebih daripada 10 peratus dalam 10 kejadian. -- BERNAMA

MAS SEL OS